

25 JUN 2001

Mahathir-Pesara

KERAJAAN SEDIA BERI LATIHAN KEUSAHAWANAN BAGI PESARA TENTERA DAN POLIS

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kerajaan sedia melatih pesara tentera dan polis yang berminat menceburi bidang perniagaan untuk meningkatkan pendapatan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah mengenal pasti banyak jenis perniagaan yang boleh diceburi bekas tentera dan polis terutamanya dalam bidang perniagaan secara francais.

"Kadang-kadang kita dapati kecenderungan mereka tak kena dengan jurusan yang dia pilih, sebab itu kadang-kadang dia tak dapat teruskan. Kita akan cari jenis perniagaan yang lebih sesuai," katanya pada sidang berita selepas perjumpaan dengan kira-kira 3,000 pesara tentera dan polis termasuk dari Sabah dan Sarawak, di Universiti Tenaga Nasional dekat sini hari ini.

Dr Mahathir memberikan contoh di Jepun yang menggunakan tenaga pesara untuk bekerja sebagai pengutip tol.

"Di Jepun, pengutip tol orang tua-tua belaka, di sini budak-budak perempuan muda," katanya sambil menjelaskan bahawa kerja sedemikian tidak pentingkan sangat tentang kemahiran.

Dr Mahathir berkata sekiranya pesara tentera dan polis yang jumlahnya melebihi 300,000 orang masih mampu menyumbang tenaga di pelbagai sektor, banjir pekerja asing di negara ini dapat diatasi.

Dalam ucapannya, beliau berkata kerajaan akan menimbang kenaikan elaun pencen kepada pesara polis dan tentera.

"Kita akan beri pertimbangan tetapi tentulah bersyarat iaitu mestilah dalam lingkungan kemampuan kita," katanya disambut tepukan gemuruh.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Senator Datuk Muhamad Ghani dalam ucapannya sebelum itu memohon kerajaan menimbang menaikkan elaun pencen kepada pesara tentera.

Perdana Menteri sebaliknya menggesa pesara tentera dan polis supaya jangan terlalu bergantung kepada pencen yang diterima sebaliknya berusaha menambah pendapatan dengan berniaga atau mencari pekerjaan lain dalam pelbagai sektor.

"Kita masih kuat dan boleh kerja. Mendapat upah daripada kerja yang dilakukan, itu sesuatu yang mulia untuk kita menambah pendapatan," katanya.

Beliau turut menggunakan pepatah Cina yang menyebut "Apabila seseorang datang meminta sedekah kerana lapar, beri kepadanya alat mengail".

"Orang Cina lebih kaya daripada kita kerana diberi kail. Kalau diberi makan, (ia) untuk hari ini sahaja, kalau diberi kail, boleh tangkap ikan tiap-tiap hari dan dia tak lapar lagi," katanya sebagai perumpamaan supaya pesara tentera dan polis menambah pendapatan sendiri dan tidak bersikap meminta-minta.

Perdana Menteri berharap dengan keupayaan menambahkan pendapatan, orang Melayu mampu untuk tinggal di rumah mewah dan sederhana mewah di kawasan rancangan perumahan baru.

"Bukan sahaja rumah mewah, rumah tak mewah pun di rancangan perumahan baru ini, tak ramai ada orang Melayu kerana mereka tak mampu nak beli.

"Jadi kita nak cuba tingkatkan pendapatan orang Melayu dan Bumiputera lain supaya mereka juga dapat tinggal bersama dalam rancangan perumahan baru," katanya.

-- BERNAMA

AT ZAI MAI